



JADIKAN MASJID SA-BAGAI PUSAT PERKEMBANGAN SHI'AR UGAMA ISLAM

Oleh: Jahri Haji Abdul Latif

KAMPONG TELISAI — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyeru umat Islam khasnya di-mukim ini supaya dapat mempergunakan masjid yang baru dirasmikan ini dengan sebaik2-nya dan jangan-lah ia hanya menjadi sa-olah2 tempat lawatan sa-minggu sekali.

Dua ranchangan penting di-susun sambut kedatangan tahun Hijrah 1402

KAMPONG TELISAI — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyusun dua ranchangan penting dalam menyambut kedatangan tahun baru hijrah 1402 ini.

Ranchangan2 tersebut ialah:

Membimbing dan menghalusi chara2 menyembahyangkan mayat.

Membimbing beberapa orang tertentu bagi sa-sebuah masjid dalam hal memandi dan mengkapkan mayat.

Ini telah di-tegaskan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan alu2-an-nya di-Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Kam-

pong Telisai pada hari Jumaat lalu.

Dalam menekankan ranchangan2 yang telah disusun itu, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama berkata, sungguh pun nampak-nya perkara menyembahyangkan mayat, memandi dan mengkapkan-nya bagi sa-tengah2 orang menganggap sa-bagai suatu perkara mudah, tetapi pada praktiknya jika bimbingan yang berkesan tidak di-lakukan maka, "mungkin masa-nya akan tiba bagi kita menghadapi kesukaran kapada menchari orang2 yang berkebolehan dalam bidang2 tersebut," tegas Yang Berhormat.

Kerana, menurut Yang Berhormat, pernah tersiar dalam akhbar luar negeri kira2 dua tahun lalu, yang mengesahkan sa-buah bandar besar yang majoriti-nya penduduk2 orang Islam tetapi apabila kematian terjadi di-kalangan orang Islam, mereka menghadapi satu masalah besar untuk menchari orang2 yang berkebolehan menyucih dan mengkapkan mayat.

Lihat muka 18

"Sebalek-nya, jadikanlah ia sa-bagai satu perkara yang lazim dalam kehidupan Umat Islam terutama pada mendirikan sembahyang berjemaah pada tiap2 waktu," kata Yang Amat Berhormat.

Kerana kata Pemangku Menteri Besar, berjemaah atau berkumpul beramai2 dengan tujuan yang baik menurut perintah ugama itu akan mendatangkan faedah2 yang banyak dalam apa jua lapangan kehidupan.

Beruchap merasmikan masjid baru Kampung Telisai pada hari Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu menegaskan, bahawa dengan ada-nya perkumpulan orang ramai itu hubungan kaseh sayang, silaturahmi antara Umat Islam akan terjalin kukuh; bahkan tidak mudah di-pecah-belahkan oleh apa2 jua unsur yang sentiasa ingin chuba menjatuhkan perpaduan Umat Islam.

Lihat muka 18

Seminar Pengurusan Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, — Kira2 200 orang kontraktor2 bumiputera dari semua kelas terutama kontraktor2 yang melibatkan pinjaman kapada Lembaga Kemajuan Ekonomi di-jangka akan menghadhiri satu seminar pengurusan kewangan anjoran bersama Malayan Banking Berhad dan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan. Seminar sa-lama dua hari ini akan di-adakan pada 10hb dan 11hb Nobember depan

PADA menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darus Salam, maka Majlis Adat Istiadat Negeri Brunei dengan ini mengumomkan kapada raayat dan penduduk Negeri Brunei bahawa pada 30hb Dzul-Hijjah Tahun Hijrah 1401 bersamaan dengan 28hb Oktober 1981 malam, Majlis Istiadat Akad Nikah telah di-langsungkan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan Dayang Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz.

Dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, maka mulai dari tarikh tersebut Dayang Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz telah di-korbankan nama "Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz".



Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz.

Tumpukan bidang pelajaran untuk tingkatkan identiti kebangsaan

GADONG.—Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri

Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz mengesahkan kaum pendidik di-negeri ini supaya memikirkan dan sentiasa menchari jalan pada melaksanakan Dasar Pelajaran 1972 dengan sikap dan kesedaran mahu menjayakan aspirasi negara untuk mengukuhkan chiri2 keBruneian ia itu dari segi keIslaman dan kesultanan seperti yang terkandung dalam dasar tersebut.

Oleh: Jaafar Ibrahim

Untuk melaksanakan maksud2 berkenaan, kata Yang Amat Berhormat, mereka hendaklah menyerapkan ka-dalam aspek2 pendidekan dan pelajaran supaya anak2 Brunei dapat membiasakan diri mereka dengan suasana persekolahan yang chuchok dengan chiri2 itu.

Beruchap sa-jurus sa-belum

merasmikan Seminar Pendidekan anjoran PGMB yang di-adakan di-Dewan MPSHB di-sini pada hari Jumaat lepas, Pemangku Menteri Besar itu seterusnya berkata bahawa hal ini berkehendakkan penyusunan yang teliti terhadap sukatan dan mata pelajaran termasuklah penulisan buku2 yang digunakan.

"Dan lebeh dari itu tentulah hal ini memerlukan satu kaedah pelajaran yang berchorak mendidik dan mengasah di-samping memberi ilmu pengetahuan bukan sekadar sa-takat sekolah untuk pengajaran tanpa mendidik atau mengasah," jelas Yang Amat Berhormat.

Aspek2 sa-umpama ini-lah, kata Pemangku Menteri Besar itu lagi, yang perlu di-fikirkan tegas-nya penekanan dalam bidang pelajaran kita hendaklah menumpukan pada menimbulkkan identiti kebangsaan sa-bagai tapak yang kukuh dari kesetiaan kapada negara. Ini tambah-nya, tidak bermakna menafikan maksud bagi membangun kecekapan dan sifat melantor yakni

Lihat muka 18

Manis-nya Iman

ADA-LAH Rasulullah s.a.w. apabila sa-tiap kali selesai sembahyang (sa-lepas memberi salam) Baginda berdo'a: "Ya Allah! Leputkanlah dari padaku ku kemurungan dan kedukaan." — HADITH Nabi daripada Anas.

JANGAN MEMBAZIRKAN TENAGA LETRIK



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

4HB NOBEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

MEMAJUKAN PERUSAHAAN2 DI-KAMPONG AYER

MENGEMBANG-MAJUKAN kegiatan2 seni kerajinan penduduk2 Kampung Ayer seperti menenun kain, bertukang perak dan tembaga ada-lah suatu jurusan pekerjaan yang patut mendapat perhatian yang sungoh2 dari penduduk2 yang berkenaan itu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam keberangkatan Baginda ka-Mukim Sungai Kedayan minggu lalu menarek perhatian agar perusahaan berkenaan tidak akan di-biarkan terhenti, malah hendak-nya di-majukan lagi dengan mengambil peluang yang telah di-sediakan dan di-berikan oleh Kerajaan Baginda. Menurut Baginda, biar pun perusahaan demikian yang banyak di-usahkan sa-chara kechil-kechil dahulu-nya itu, tetapi hasil-nya telah menchapai nama baik bukan sahaja di-dalam negeri malah juga di-luar negeri.

Penduduk2 Kampung Ayer, menurut sejarah-nya ada-lah mewariti suatu keistimewaan yang tertentu lagi unik dalam perkara2 yang berhubung dengan ehwal mengungkayahkan apa2 jua sumber mata-pencharian keluarga masing2, sa-belum-nya kegiatan2 pekerjaan 'makan gaji' menular di-kalangan masyarakat negeri ini. Satu perkara yang patut kita banggakan untuk masa itu, ia-lah masyarakat Kampung Ayer memiliki suatu sifat yang 'tahan lasak' dan 'tahan uji' serta bersemangat untuk mewariti apa2 jua pekerjaan turun-temurun dari keluarga-nya tanpa merasa segan dan rendah diri.

Biar pun pekerjaan yang penoh mencharab itu di-asaskan dan bukan di-perolehi dari pusat2 latehan seperti apa yang ada pada hari ini, tetapi kepandaian yang berpindah tangan itu di-mahirkan hanya menerusi kebiasaan anak2 sentiasa 'mendangani, memantuni dan membiasakan tangan' pada memaduli apa jua pekerjaan orang2 tua mereka. Dan berkat dari pepadulan yang 'jajam' itu, maka lahir-lah petukang2 dan pengusaha2 di-berbagai jurusan di-kalangan masyarakat Kampung Ayer. Sa-hingga hari ini perusahaan2 seperti 'memburis perahu' maseh di-ungkayahkan oleh sa-bilangan kechil 'pewarisi' yang boleh di-katakan terdiri dari yang sudah lanjut umur. Hanya sa-bilangan kechil sahaja anak2 muda yang gigih dan chinta kepada kerajinan keturunan-nya bersedia meungkayahkan-nya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah pun membuka peluang yang faedah-nya begitu lumayan kepada anak2 muda yang ingin mencheborkan diri dalam pekerjaan kemahiran kerajinan seperti anyaman, sulaman, tenunan serta pertukangan perak dan tembaga menerusi pusat latehan kesenian yang di-kendalikan oleh Jabatan Muzium Brunei.

Berbagai kemudahan di-berikan menerusi pusat berkenaan seperti latehan, bekalan bahan2, malah pasaran bagi hasil2 yang di-ungkayahkan pun di-bantu jualan-nya oleh pihak berkenaan.

Maka pada menandai hasrat Baginda itu supaya penduduk2 Kampung Ayer jangan membiarkan perusahaan demikian terhenti seperti mana titah Baginda; "Galakan sudah di-berikan, dan hasil2 perusahaan itu sudah nyata, apa yang perlu sekarang ia-lah supaya orang2 muda menunjukkan kechenderongan untuk berdiri di-kaki sendiri, menjalankan perusahaan2 seperti ini dan menghidupkan semula perusahaan yang mana hasil-nya sudah terkenal di-luar negeri." Maka untuk itu — perahu sudah di-ayer, dayong sudah berada di-tangan, hanya yang perlu ia-lah penyertaan dan kesediaan kita terutama jenerasi muda untuk 'mendayong perahu itu' menuju arah yang di-hasratkan.

PENETAPAN DASAR PELAJARAN BARU MEMESATKAN PERKEMBANGAN PELAJARAN NEGERI INI

SAYA ingin merekodkan penghargaan yang tinggi kepada PGGMB khas-nya atas usaha dan tenaga yang di-abdikan bagi mengadakan seminar yang sangat berfaedah kepada bangsa dan negara ini dan demikian juga penghargaan atas usaha2 yang telah di-timbulkkan oleh PGGMB selama ini sa-hingga apa yang dapat kita fahamkan sama2 tadi sampai usia-nya PGGMB ke-40an tahun dan saya mengalu2kan dan 'look forward' atas usaha2 yang berupa 'maturiti' pada masa2 akan datang yang akan di-sumbangkan oleh PGGMB seterusnya.

SANGAT PESAT

Perkembangan pelajaran di-Brunei sangat pesat. Melalui rancangan2 dalam memajukan-nya, negeri ini telah dan sedang menikmati hasil-nya dimana umpama-nya dengan ada-nya dasar biasiswa dan dermasiswa yang terbuka luas kepada anak2 negeri ini menghasilkan beratus2 orang yang pada masa ini di-beri peranan dan memikul tanggungjawab di-berbagai-bagai perkhidmatan kerajaan termasuk-lah pelajaran dan pendiddekan.

Chontoh yang di-sebutkan ini di-tambah lagi dengan penetapan Dasar Pelajaran Baru 1972 ada-lah sangat memungkinkan suatu penchapaian dan kepesatan pelajaran yang sarentak dengan itu di-yakini akan mengukuhkan lagi azam kerajaan untuk meneruskan usaha2 memajukan pelajaran raayat atas dasar yang sedia ada itu.

ISU UTAMA

Dalam hubungan kemerdekaan penoh lagi berdaulat yang akan di-chapai, Brunei sangat beruntung telah dapat menyelesaikan beberapa isu utama bagi satu bangsa yang akan merdeka ia-itu seperti isu agama, isu bahasa dan isu keraayatan dan semua isu ini telah lama di-selesaikan dan di-terima serta mempunyai pengaruh pada mengekalkan chorak negeri ini sa-bagai sa-buah Kesultanan Melayu Islam.

UCHAPAN Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Pendiddekan anjoran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, di-Dewan Maktab Perguruan Hassanul Bolkiah pada 30hb Oktober yang lalu.

Kedudukan ini dengan di-tambah lagi oleh ada-nya Dasar Pelajaran Baru 1972 menentukan yang anak negeri ini terutama sekali perancang dan pelaksana pelajaran serta pendiddekan di-chabar untuk memenuhi kehendak2 mengekalkan chorak ke-Bruneian yang di-sebutkan tadi.

Chabaran2 yang di-maksudkan itu tadi mithal-nya ia-lah menerusi dasar satu, dasar tiga dan dasar lapan dari Dasar Pelajaran Baru yang menggariskan kepentingan Bahasa Melayu, kepentingan Ugam Islam serta identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan serta ta'at setia kepada negara.

DAYA USAHA

Sekali lagi saya tegaskan bahawa chabaran itu ia-lah terhadap daya usaha serta kesungguhan merancang dan mendokong pelaksanaan dasar tersebut sebab sudah sekian lama dasar itu di-terima tidaklah patut berbangkit soal2 mengenai tepat tidaknya dasar tersebut dengan kehendak Brunei malah yang sepatutnya berbangkit ia-lah rancangan serta dokongan pada melaksanakan-nya.

Dari segi kelslaman, hasrat yang terkandung dalam dasar tujoh dari Dasar Pelajaran Baru itu, ia-itu untuk memberikan kepada kanak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenuhi segala kehendak2 yang di-perlukan oleh negara ada-lah berkehendakkan pelaksanaan yang semesti-nya mengambil kira bahawa kanak-kanak Brunei itu di-bekalkan dengan pelajaran serta pendiddekan yang meliputi kehendak2 Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah bagi membolehkan mereka menghadapi hidup ini dengan sikap serta huraian sa-chara Islam.

Perancang2 serta pelaksana2 dalam memajukan pelajaran negeri ini hendak-nya tidak mengabaikan kehendak

tersebut sebab ia ada-lah sa-bahagian penting dari keseluruhan usaha mengekalkan chorak Brunei sa-bagai sa-buah Kesultanan Melayu Islam itu.

ASPIRASI

Chita2 serta aspirasi Brunei yang sa-demikian tidak patut di-ragukan sebab ia sebenarnya telah terbukti berjaya terhadap ketahanan nasional dalam pengalaman perkembangan sejarah yang di-tempoh oleh negeri ini tegas-nya sifat2 kelslaman tidak pernah menjadi halangan bagi-nya dan raayat negeri ini untuk menduduki tempat-nya yang wajar di-dunia moden malah se-balek-nya chita2 tersebut serta 'manifestasi' dari-nya telah mengukuhkan kedudukan negeri dan segala isi di-dalamnya menurut kehendak2 kita yang sebenar.

Segala unsur yang di-sebutkan tadi ada-lah di-harapkan agar sama di-perhatikan dalam seminar yang di-adakan ini tegas-nya sudah sampai-lah masa-nya bagi kita terutama sekali kalangan2 pendiddekan memikirkan dan sentiasa menchari jalan melaksanakan Dasar Pelajaran yang ada itu dengan sikap dan kesedaran mahu menjayakan aspirasi negara yakni azam Kerajaan dan raayat untuk mengukuhkan chiri2 keBruneian ia-itu dari segi kelslaman-nya dan dari segi kesultanan-nya yang mana chiri2 tersebut sudah terkandung dalam Dasar Pelajaran.

Pelaksanaan maksud tersebut hendak-lah di-serapkan ka-dalam aspek2 pendiddekan dan pelajaran supaya anak2 Brunei membiasakan diri mereka dengan suasana persekolahan yang chuchok dengan chiri2 tersebut.

KAEDAH

Tentu-lah hal ini berkehendakkan penyusunan yang teliti terhadap sukatan dan mata pelajaran termasuk-lah penulisan buku2 yang di-gunakan. Dan lebeh dari itu tentu-lah hal ini memerlukan satu kaedah pelajaran yang berchorak mendidik dan mengasoh di-samping memberi ilmu dan pengetahuan bukan sa-kadar sa-takat sekolah untuk pengajaran tanpa mendidik atau tanpa mengasoh.

Aspek2 ini-lah yang pada masa ini sudah kena pada waktu-nya untuk di-fikirkan tegas-nya penekanan dalam bidang pelajaran kita hendaklah menumpukan kepada menibulkan identiti kebangsaan sa-bagai tapak yang kukuh dari kesetiaan kepada negara. Ini tidak bermakna menafikan maksud bagi membangun kechekapan dan sifat melantor yakni 'flexibility' dalam sistem pelajaran untuk memenuhi

kehendak2 pembangunan negeri bahkan ia-nya akan memberi jiwa kepada penchapian pembangunan yang di-hajati itu.

Sebab kita sama2 mensetujui bahawa kemajuan yang akan dan sedang terus di-chapai dalam semua bidang kehidupan bangsa Brunei hendak-lah tidak kosong dari falsafah yang sudah menjadi teras serta berakar umbi dalam sejarah negeri ini seperti kelslaman dan kesultanan itu.

Sa-sungguh-nya memang-lah di-sedari dalam keadaan serta di-peringkat negeri kita yang pesat membangun ini, kita berhadapan dengan masalah menyediakan tenaga2 yang chekap dalam bidang2 tertentu. Dalam keadaan itu terdapat saranan supaya penekanan dalam bidang pelajaran kita tidak di-ganggu dan di-kachau bilaukan oleh kehendak2 lain sa-lain dari memberi ilmu pengetahuan dan kechekapan tetapi nyata-nya kita telah menolak saranan yang bermaksud sa-demikian, sebab kita berkeperchayaan dan memahamkan pembangunan dalam kemajuan yang di-chapai dan akan di-chapai mesti-lah di-dokong kerohanian dan adat resam sama oleh apa yang kita sebut serta kebudayaan.

KETEGASAN

Fahaman dan keperchayaan kita itu telah pun di-maktubkan ka-dalam Dasar lapan dari Dasar Pelajaran sebab itu-lah saya perchaya kalangan pendiddekan negeri ini mustahak terus menerusi memberi ketegasan akan chita2 di-sebalek Dasar Pelajaran yang telah di-gubal itu dan mereka hendak-lah pula memberi ketegasan kepada murid2 bahawa mereka di-ajar dan diasoh untuk hidup sa-bagai orang Brunei yang dalam suka duka-nya tegak bangun dan rebah rempih-nya tetap sa-bagai orang Brunei yang mengenalkan identiti keBruneian-nya ia-itu Islam sa-bagai chara hidup-nya, sultan sa-bagai Raja dan beradat resam dan berkebudayaan yang menunjukkan sa-bagai bangsa yang bersopan dan hormat kepada undang2.

Saya berpendapat jika chiri2 yang di-sebutkan di-atas itu maseh kabor bukan-lah makna-nya ia tidak 'relevan' dengan konteks Brunei moden. Kekaboran-nya itu bukan-lah pula di-sebabkan oleh konsep-nya yang tidak jelas sebab dalam apa hal iua pun konsep kelslaman serta kesultanan itu sa-takat yang mengenai negeri ini telah di-mengambil bentuk-nya dalam kehidupan kita.

Apa yang belum jelas pada tanggapan saya ia-lah sikap dan keazaman kita terhadapnya yakni kita belum sepenuhnya dan belum sebulat-bulat menumpukan, menjelakan atau mengketengahkan diri kita untuk di-identifikasi dengan chiri2 itu. Maka dalam persoalan ini saya akan lebeh ramai orang memikirkan-nya sa-chara yang sungguh2 termasuk-lah dengan adu-nya kesan2 yang di-harapkan dari seminar ini.

MASJID Kampong Telisai di-Daerah Tutong (kiri) telah di-rasmikan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada hari Jumaat, 30hb. Oktober yang lalu.

Sa-bagai kenang2-an perasmian masjid tersebut Yang Amat Berhormat juga telah menanam sapohon pokok kelapa di-kawasan masjid, seperti kelihatan dalam gambar kanan.

Masjid Kampong Telisai itu ada-lah salah sa-buah masjid yang di-rasmikan pembukaannya sempena menyambut tahun baru Hijrah 1402. Masjid Datu Imam Abdul Mokti, di-Kampung Burong Pingai Ayer akan di-buka rasmi pada hari Jumaat ini.



Thema : "Sabar Puncha Keselamatan" sesuai dgn zaman moden

Oleh : Aisah Piee

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Perubatan dan Kesihatan Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin mensifatkan bahawa puncha kemalangan jalan-rawa di-negeri ini ada-lah juga di-sebabkan peningkatan bilangan kenderaan dan pengguna2-nya.

KECHEDERAAN

Maka dengan yang demikian kata-nya, jumlah orang yang di-rawat kerana kechederaan ringan semakin bertambah dan bilangan kematian juga meningkat.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar berucap demikian semasa merasmikan Pertandingan Permainan Lalu Lintas Shell 1981 peringkat Daerah Brunei-Muara, yang telah berlangsung pada hari Sabtu lepas di-kawasan tanah lapang berhampiran Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini.

Menurut beliau, jika langkah2 yang bersesuaian tidak di-ambil besar kemungkinan jumlah kematian akibat kemalangan jalan-rawa akan meningkat.

Menyentuh mengenai tema pertandingan pada hari itu, "Sabar Puncha Keselamatan", Yang Berhormat itu berpendapat bahawa tema tersebut amat sesuai dengan keadaan zaman moden ini dimana semua orang memerlukan kechepatan tanpa memperdulikan keselamatan sendiri dan orang lain.

DI-PRAKTIKKAN

Dr Haji Johar seterusnya mengharapkan agar anak2 sentiasa mempraktikkan undang2 jalan-rawa yang mereka pelajari dan ketahui dan hendaknya jangan di-lupakan apabila pertandingan telah tamat.

Pertandingan ini tambah beliau jangan-lah di-fikirkan sa-bagai menentukan kejohanan, tetapi ada-lah sa-bagai satu pelajaran

praktikal bagi menyedarkan anak2 agar mereka menjadi raayat yang bertanggung-jawab di-masa akan datang.

MILEK SEMUA

Yang Berhormat itu juga menekankan yang jalan-rawa ada-lah milek semua pengguna, dan sifat bertimbang rasa dan bertolak ansor mesti-lah di-patohi.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar dalam ucapan-nya selaku pengerusi pertandingan telah menekankan bahawa dengan hanya mengetahui undang2 sahaja tanpa mematuhi dan mengamalkan-nya tidak-lah memberi erti dan kesan.

"Pokok pangkal-nya kesemua-nya itu hendak-lah di-praktikkan bukan sahaja terhadap pemandu2 kenderaan malah semua pengguna jalan-rawa termasuk pejalan2 kaki," tambah-nya.



Y. B. Dato Paduka Dr. Haji Johar.

Maka untuk itu, tambah-nya, perlu-nya undang2 jalan-rawa di-adakan demi membentok sabuah negara, raayat dan penduduk yang hidup rukun damai dan bahagia.

Hasil dari penilaian dan pengertian tersebut, kata-nya, perlu-nya pertandingan serupa ini di-adakan, yang merupakan sokan yang menghendaki pergerakan2 jasmani di-sertai dengan fikiran dan ingatan

terhadap undang2 dan peraturan2, dan bukan sekadar pemilihan kejohanan.

Pertandingan itu juga, menurut-nya lagi, di-salorokan bagi membentok peribadi jenerasi muda yang pada peringkat awal-nya mudah menerima itu supaya menjadi warga negara yang sehat dan berguna.

TUNJOK AJAR

"Di-samping itu juga bagi kita orang2 dewasa umom-nya yang telah di-bolekan memandu setiap jenis roda jentera ada-lah perlu menunjok ajar dan memberi contoh tauladan pada mematuhi undang2 jalan-rawa tersebut bagi anak2 kita yang akan mencapai umur yang di-bolekan undang2 bagi mereka memandu nanti," jelas Dato Paduka Haji Abdullah.

Pertandingan hari itu telah di-sertai oleh sembilan buah Sekolah Rendah dari Daerah Brunei-Muara. Ia-nya telah

di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Datu Ahmad dengan memperoleh 92 mata, manakala tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Sengkong dengan 72 mata.

PEMENANG

Sementara itu, empat buah sekolah telah terpilih bagi menyertai pertandingan peringkat negeri, yang akan berlangsung pada 8hb Nobember depan di-tempat yang sama. Terpilih ka-peringkat negeri ia-lah johan dan naib johan pertandingan, Sekolah Persediaan Inggeris Anggerok Desa dan Mabohai.

Hadhir sama bagi menyaksikan pertandingan minggu lalu ia-lah Penasehat Perhubungan dan Perdagangan Shell, Awang I. B. J. Ross, Pegawai Perhubungan dan Penerangan Shell, Dayang Siti Radiah bte Haji Md Yusof, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung dan guru2.

Ia-nya di-akhiri dengan majlis penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang dan pasokan yang mengambil bahagian, serta penyampaian chenderamata oleh Penasehat Perhubungan dan Perdagangan Shell kepada Yang Berhormat Dato Paduka Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin.



Y. B. Dato Paduka Dr. Haji Johar menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Sekolah Persediaan Inggeris Datu Ahmad — dalam pertandingan permainan lalu-lintas peringkat Daerah Brunei-Muara yang di-adakan pada hari Sabtu lalu. Gambar kanan kelihatan peserta mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.



AJARAN SESAT

Bahagian II

SEDIKIT MENGENAI AHMAD KHAN BHADUR

NAMA Ahmad Khan Bhadur telah munchol di-India pada kurun ke-19. Dia membantu penjajah memecah-belahkan perpaduan umat Islam di-India pada masa itu. Ia menzahirkan dirinya sa-bagai puak Tabi'iah Dahriah yang mendi'ayahkan fahaman bahawa tiada ada ujud melainkan tabi'at (nature). Fahaman tersebut juga mendakwa bahawa

alam ini tiada mempunyai tuhan yang menjadikan-nya dan segala Nabi2 menurut mereka, ada-lah ber-fahaman Tabi'iah belaka. Orang2 yang mengikut fahaman tersebut tiada ber-iktikadkan ada Tuhan yang menurunkan shari'at dan ugama. Kemudian Ahmad Khan telah menggelarkan diri-nya dengan nama orang tabi'e dan ia telah menipu pemuda2 dari kalangan orang2 kaya yang kurang teliti masok ka-dalam perang-kap-nya sebab pemuda2 itu sendiri memang hendak lari dari shari'at sa-mata2 untuk mengenyangkan nafsu shahwat mereka.

Dengan berbuat chara begitu Ahmad Khan telah mendapat perhatian daripada para penjajah lalu ia telah di-bantu mendirikan sekolah di-Aligar yang dinamakan Madrasah Al-Muhammadien sa-mata2 nama 'Muhammad' itu digunakan-nya bagi memerangkap pemuda2 Islam memasoki sekolah tersebut. Sekarang sekolah itu jadi Universiti Aligar.

MENULIS TAFSIR

AHMAD Khan telah menulis tafsir Al-Kor'an sampai Surah Al-Kahfi dan ia telah mengubah tujuan2 ayat2 Al-Kor'an dengan apa yang ia kehendaki sesuai dengan apa yang diranchangankan-nya.

UNTOK menyesatkan fikiran umat Islam pula ia telah menerbitkan majalah bernama Tahzibul Akhlak. Melalui-nya ia telah menaborkan beneh permusohan di-antara umat Islam India dengan lain2 umat terutama dengan orang2 Islam Turki dan Kerajaan Bani Othman di-Istanbul pada masa itu. Dia mengajak membuang segala ugama, aneh-nya ajakan-nya chuma di-tujukan kepada

Siri ke-103

orang Islam dan bukan kepada orang2 lain supaya membuang ugama mereka. Dia menyeru supaya orang berfahaman serba serbi mengikut tabi'at (nature) dengan mengaborkan mata umat Islam bahawa umat Eropah maju dalam perkara2 moden dan dalam ilmu sains serta kuat semua-nya kerana mereka itu konon-nya membuang ugama dan kembali kepada nature. Maksud fahaman tabi'e itu pada dasar-nya ia-lah tiap2 sa-suatu jadi dengan sendiri-nya oleh sebab proses waktu ka-atas-nya.

PERKELAHIAN

JIKALAU Ahmad Khan balek hidup dalam kurun 20 ini neschaya ia bertaubat dan kembali sa-mula kepada Islam, sebab ia akan mendapati perkelahian dan peperangan, mahkamah demi mahkamah di-dirikan namun pembunuhan, huru hara, sengsara, zalim dan iniaya ka-atas sa-sama manusia terus menerus berlaku dimana2 di-dunia ini. Semua itu ia-lah akibat sa-mata2 berpegang kepada ideologi yang berdasarkan akal sa-mata2 dan membuta tuli menolak ajaran Allah. Lalu manusia sa-makin jauh dari rasa kemanusiaan-nya. Bagaimana pun perchayalah Ahmad Khan akan menerima pembalasan jenayah yang di-buat-nya ka-atas Allah, Rasul-Nya dan umat Islam itu.

UMAT Islam telah menghukumkan dia kafir dan murtad. Chendikiawan penulis2 Islam seperti As-Sayed Jamaluddin Al-Afghani, Dr. Muhammad Al-Bani dan As-Sheikh Mohammad Yusof Al-Banuri Al-Hindi semua-nya membantah dan me-

ngutok Ahmad Khan. Begitu juga pertubohan2 Islam seperti Lembaga Masjid2 Sa-Dunia.

ALAM MELAYU

DI-PULAU2 gugusan alam Melayu sa-waktu penjajahan musuh2 Islam telah membangkitkan masalah khilafiah dalam perkara2 amal ibadat bagi meributkan fikiran orang2 awam Islam supaya mereka lalai dari memperbaiki keadaan ilmu pengetahuan mereka dan leka dari meninggalkan taraf hidup mereka. Anasir2 penjajah itu membangkitkan masalah lafadz dalam niat sembahyang, masalah talqin, tahlil, qunut dan masalah Maulud Nabi serta lain2 masalah yang kecil yang tiada berfaedah di-bahath-

kan sa-telah masalah2 itu di-sebutkan dalam kitab2 fiqh. Siapa yang suka pakai dia pakai, dan siapa yang tidak suka pakai dia tinggalkan. Sama-lah kedudukan-nya dengan sedekah dan sembahyang sunat, orang mengambil peluang mengerjakan yang sunat itu sa-telah dia mengerjakan yang fardhu dan yang lain tiada masa baginya mengerjakan yang sunat kerana kesuntukan masa ia hanya dapat mengerjakan yang fardhu. Tetapi perkara2 itu sa-bagai masalah besar dan mustahak dalam Islam dengan tujuan mengganggu fikiran dan memalingkan semangat umat Islam dari penjajahan yang memalingkan kemaraan umat Islam itu sendiri.

ORANG2 orientalis seperti sa-orang penasihat Belanda bagi hal ehwal jajahan taklok-nya apabila berchampur dengan ahli2 ilmu Islam dan kiyai2 ia memburok2kan orang Islam yang berpelajaran Belanda, manakala ia ada dalam kumpulan orang2 Islam yang berpelajaran Belanda pula maka ia mengejek2 konon-nya ahli2 ilmu Islam dan kiyai2 itu kolot dan mundur. Begitu-lah chara-nya penjajah memecah belahkan umat Islam dan mengejek2 ugama Islam yang tujuan-nya ia-lah bagi meneruskan dasar penjajahan-nya dan memisahkan ugama dari dunia ser-ta dunia dari ugama.

WALLAHU A'ALAM.

(BERSAMBONG)

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Asher dan U. Cairo, Mufti.

Minggu Hadapan : BAHAYA AJARAN SESAT



GAMBAR2 ini menunjukkan suasana ketibaan jemaah2 haji dalam rombongan ketiga pada 27hb Oktober yang lalu. Turut mengalu2kan ketibaan jemaah2 haji itu ia-lah Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zahrah dan isteri Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Datin Hajjah Yokmas gambar atas.

Kesemua jemaah2 haji kita telah selamat pulang dalam empat penerbangan sewa khas dalam bulan lalu.



AZAM TAHUN BARU: TINGKATKAN AMAL IBADAT, BUANGKAN TABI'AT BUROK

MARI-lah kita terus menerus bertakwa kepada Allah dengan sabanar2-nya dengan mentaati perintah2 dan menjauhi larangan2 kerana dengan bertakwa itu-lah sahaja satu-nya jalan yang menjamin keselamatan dan kebahagiaan hidup di-dunia akhirat.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah Rabul Alamin yang telah mengurniakan kita umur yang panjang sa-hingga dapat kita bertemu dengan tahun baru Islam ia-itu tahun Hijrah 1402. Ada-lah menjadi harapan kita untuk meningkatkan amal ibadat dan penghayatan kita terhadap ajaran2 Islam serta berkerja lebih giat dengan ikhlas, jujur dan amanah dalam apa2 jua lapangan pekerjaan kita yang di-redhai Allah.



berlaku pada 10 haribulan Muharram atau hari Ashura.

Untuk memperingati kemenangan Nabi2 dan Rasul-Rasul, maka Nabi Muhammad s.a.w., telah menggalakkan umat-nya supaya berpuasa pada hari Ashura itu ia-itu merupakan puasa sunat yang sangat besar pahala-nya, sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud: "Berpuasa hari Ashura yakni hari kesepuluh Muharram itu menghapuskan dosa sa-tahun."

BERPUASA

Dalam satu hadith yang lain Rasulullah s.a.w., telah menggalakkan umat-nya supaya memuaskan hari ke-sembilan, yang kesepuluh dan yang kesebelas Muharram, sabda Baginda yang bermaksud:

"Berpuasa-lah kamu pada hari ke-sembilan dan jangan-lah kamu mengikut puasa orang2 Yahudi (yang hanya berpuasa pada hari ke-sepuluh Muharram sahaja), tetapi berpuasa-lah kamu (disa-punjang puasa hari Ashura) satu hari sa-belum-nya dan satu hari sa-lepas-nya."

Dari hadith ini nyata-lah bahawa kita umat Islam ada-lah di-suruh berpuasa tiga hari berturut2 di-bulan Muharram ini ia-itu pada hari ke-sembilan, kesepuluh dan ke-sebelas.

Di-tahun baharu ini mari-lah kita meninggikan semangat kita untuk terus mengerjakan amal ibadat kepada Allah, di-samping berusaha membuang tabiat dan kebiasaan2 burok

yang tiada mendatangkan faedah kepada kita, lebih2 lagi perkara2 yang mendatangkan dosa kepada diri kita. Sa-terus-nya mari-lah kita meningkatkan mutu pekerjaan kita dalam apa2 jua lapangan

yang di-redhai Allah, mudah-mudahan dengan jalan demikian kita sekalian akan sentiasa mendapat keredhaan Allah dan keselamatan daripada bala bencana dunia dan akhirat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Nobember, 1981 hingga kahari Selasa 10hb Nobember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini :-

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
4hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
5hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05
6hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
7hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
8hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
9hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
10hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

TURUTKAN HATI ROSAKKAN DIRI SENDIRI

Bingkisan
minggu
ini

ISLAM ada-lah suatu agama yang mempunyai prinsip2 yang kuat untuk kebahagiaan dan kebaikan seluroh umat-nya di-dunia dan akhirat. Di-antara-nya ia-lah prinsip pembentukan akhlak yang baik supaya manusia itu dapat mempertimbangkan di-antara kebajikan dan kebaikan. Dalam perkara mempertimbangkan kebajikan dan kebaikan ini-lah, di-dalam tubuh badan sa-seorang itu terdapat sa-kekul daging yang kecil, yang mana sungguh pun kecil bentuk-nya, namun pengaruh-nya besar sa-kali terhadap kesempurnaan hidup sa-seorang itu, yang di-maksudkan sa-kekul daging yang kecil itu ia-lah 'HATI'.

Hati yang terdapat di-dalam tubuh sa-seorang itu ada-lah merupakan kemudi bagi akhlak dan amalan-nya, kerana pengaruh-nya akan dapat menentukan sama ada baik atau burok-nya sa-seorang manusia itu, sebagaimana maksud hadith Rasulullah s.a.w., yang di-riwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, yang maksud-nya kira2: "Dan ketahuilah bahawa pada sa-tiap jasad itu ada sa-kekul daging. Sa-kiranya ia baik, baik-lah seluroh jasad itu dan sekiranya ia rosak, rosak-lah seluroh jasad itu. Ia-itu-lah hati."

PENGAROH HATI

Maka dari pengaruh hati-lah akan lahir manusia yang baik atau yang jahat, sa-terus-nya manusia yang berguna atau tidak dalam sa-sebuah masyarakat. Tegass-nya hati manusia itu menjadi punca baik dan burok akhlak dan amalan-nya. Sa-kiranya akhlak dan amalan itu rosak, maka rosak-lah sa-seorang itu, sa-balek-nya jika baik akhlak dan amalan-nya,

reka yang bersifat sademikian telah di-tutup dari segala seruan kepada jalan kebaikan, pandangan mereka juga telah terpesong dari yang sa-benar, dan pendengaran mereka juga telah tersumbat dari menerima pendengaran ka-jalan kebaikan.

Demikian-lah dapat kita lihat betapa penting-nya hati memainkan peranan dalam tubuh sa-tiap orang Muslim. Ini di-ikuti pula dengan keimanan yang tegoh terhadap Allah tanpa berbelah bagi. Kerana itu-lah hati sa-tiap orang Islam hendak-lah selalu bersehat dan jujur, kerana hati itu ada-lah pengawal yang akan menjaga sa-seorang itu dari melakukan tindakan yang tidak usul perkara di-mana2 dan bila2 masa sahaja. Ketenangan hati dan jiwa sa-tiap umat Islam hanya pada keshukoran-nya kepada Allah, menshukori nikmat Allah hendak-lah dengan mengerjakan segala surohan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

AKHLAK MULIA

Tegas-nya, hati itu akan sentiasa merasa tenang dan tenteram, sa-lagi jiwa terus berdampingan dengan akhlak yang mulia serta mengerjakan segala yang hak dan baik, sa-balek-nya jika jiwa melakukan dosa, maka pasti-lah hati yang tenang dan tenteram akan berubah sikap-nya menjadi sempit dan terganggu gugat oleh kelakuan anggota yang menyeleweng dari yang hak dan benar itu.

Kerana itu jika di-rasakan hati selalu mendorong melakukan kepada perkara-perkara yang mungka hendak-lah di-chari ubat penawar-nya ia-itu dengan taubat. Sebab de-

ngan bertaubat sa-benar2 taubat, sa-kurang2-nya hati akan kembali tenteram, sebagaimana sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh At-Termizi, yang bermaksud kira2: "Bila sa-seorang itu melakukan dosa, maka hati-nya akan menjadi gelap-pekak. Jika ia bertaubat, baru-lah mengilap atau berchahaya samula hati itu."

BERTAUBAT

Meski pun pada haki-kat-nya bertaubat itu hanya-lah menggantungkan harapan kepada Allah, agar Dia (Allah) mengampunkan dosa yang di-perbuat sa-chara telanjor atau sengkaja. Sa-benar-nya itu-lah sa-baik2 chara yang patut di-lakukan oleh manusia, kerana tiada yang lebih baik daripada menggantungkan harapan kepada Allah dengan niat yang suci dan hati yang tulus ikhlas, neschaya Allah tidak akan mensia2kan-nya, perkara ini sesuai dengan maksud firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 135, yang membawa maksud kira2: "Dan orang yang apabila telah melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri-nya sendiri, mereka ingat kepada Allah lalu memohon ampun atas dosa2-nya. Dan siapa lagi yang akan mengampuni dosa sa-lain Allah? Dan mereka tiada meneruskan perbuatan yang burok itu, sedang mereka mengetahuhi."

Dari itu kita sa-bagai umat Islam, harus-lah selalu insaf terhadap diri sendiri pada sa-tiap waktu dan keadaan, jangan-lah menurut kehendak hati samata2, dengan demikian moga2 kita selalu di-lengkong oleh rahmat Allah dan di-jauhi dari merbahaya.



Telaga2 minyak

SERIA. — Jabatan Penggalian (ODL) telah mengeluarkan keupayaan penggalian telaga2 minyak bagi tahun 1981 sa-hingga bulan September lalu; ia-itu sa-banyak 37 buah telaga2 minyak telah mengeluarkan hasil, 28 buah telaga kini selesai di-usahakan penggalian-nya dan 11 buah yang baru lainnya di-tanggohkan penggalian-nya buat sementara.

Dalam tempoh yang sama, 3 buah telaga minyak yang baru di-gali telah di-benarkan, 28 buah telaga yang ada masa ini telah di-usahakan sa-

mula dan di-jalankan kerja2 atau di-baiki manakala jumlah kedalaman penggalian ia-lah 261,000 kaki. Semua ini di-chapai dengan menggunakan lapangan buah rig.

NEKMATI PERUBAHAN GAJI DAN KEMUDAHAN2

SERIA. — Berikutan dengan termaktub-nya satu perjanjian bersama yang baru antara Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei yang mewakili pekerja2 Teknikal dan Pentadbiran (TAS) dengan pihak Sharikat Minyak Shell Brunei, perubahan2 gaji Pegawai2 Kanan serantau serta Pegawai2 Penyelidikan dan Kejuruteraan telah juga di-buat oleh sharikat. Ini bermula pada 1hb. Oktober, 1981 yang lalu.

Pegawai2 Kanan menerima satu kenaikan sa-banyak sembilan peratus

sementara Pegawai2 Penyelidikan dan Kejuruteraan menerima kenaikan satinggi 12 peratus.

Perbaikan2 syarat terhadap aluan2 dan hak2 persaraan bagi kedua2 kategori kakitangan tadi telah juga di-adakan. Syarat-syarat yang di-ulangkaji itu termasuklah juga chuti khas bagi perkahwinan pekerja2 dan untuk kelahiran anak2 mereka, perubahan dalam hak2 chuti tahunan, penyesuaian terhadap aluan2 perumahan, demikian juga penambahan sa-banyak dua hari chuti sharikat dalam sa-tahun.

PEMBETULAN PERKATAAN

Mengenai perkataan "chuti kahwin bagi pekerja2 yang belum kahwin" dalam ruang-annya ini keluaran 21hb Oktober, 1981 hendaklah di-baca "chuti perkahwinan bagi pekerja2". Dan dalam keluaran yang sama mengenai perkataan Hari "Tinjau" hendaklah di-baca "Hari Kedua Natal" sa-bagai hari2 kelepasan bagi pekerja2 sharikat di-samping hari kedua "Hari Raya Haji."



SA-KUMPOLAN sa-ramai 14 orang anggota Pasokan AMDB, kini sedang menjalani satu skim penyesuaian kerja2 tani sa-lama tiga bulan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Skim ini ada-lah bertujuan untuk membekalkan askar2 tersebut dengan pengetahuan2 pertanian apabila mereka tamat perkhidmatan dengan askar kelak agar mereka itu akan dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan mereka dan menjadikan kerja-kerja peladang sa-bagai bidang penghidupan sa-hari2.

Sa-masa berkursus, mereka mempelajari chara2 menghasilkan sayor2an, pemeliharaan ternakan ayam-itek serta pembiakan sayor2an seperti chantuman tunas, pengatutan dan chantum sandang kedua2nya dalam kerja2 praktikal serta teori. Askar2 itu juga mempelajari chara2 menjalankan dan memelihara jentera pembajak (sa-perti kelihatan dalam gambar).

Kursus yang bermula sejak pertengahan bulan Ogos tahun ini akan berakhir pada pertengahan bulan ini juga.

Pesta sokan KMS

SERIA. — Kelab Melayu Shell akan mengadakan pesta sokan tahunan sa-lama tiga hari mulai 6hb hingga 8hb Nobember, 1981 ini. Jadual perlawanan ada-lah: Bolasepak dan bola keranjang akan di-adakan pada 6hb mulai jam 5.00 petang, separtakraw dan bola tampar akan di-langsungkan pada 7hb mulai jam 4.30

petang dan tarek kalat akan di-jalankan pada 8hb mulai jam 5.00 petang.

Sementara itu, Kelab Melayu Shell juga telah menganjurkan perlawanan bulutangkis bergu pada 30hb Oktober, 1981 yang baru lalu. Dan perlawanan meja bola juga sedang di-selenggarakan.

Seminar dan Hari Pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak Sekolah Nusa Laila Puteri akan menganjurkan satu Seminar Pendidikan dan Pengajaran bagi guru2, yang akan berlangsung pada 8hb Nobember dan 15hb Nobem-

ber depan, bertempat di-Dewan Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini.

Seminar yang bertema 'Berkhidmat Kapada Masharakat Dengan Penoh Tanggong-jawab, Dedikasi Dan

Berdisiplin' itu akan di-rasmikan oleh Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Awang Umar bin Haji Ahai.

Ia-nya di-adakan antara lain bertujuan bagi memberi peluang kepada guru2 untuk meluaskan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang teknologi pendidikan dan pengajaran, di-samping mencari penemuan2 baharu yang boleh digunakan bersesuaian dengan waktu kehidupan pendidikan sekarang untuk mendidik masharakat kanak2.

KERTAS KERJA

Penasehat dan Ketua Pentadbir Sekolah Nusa Laila Puteri, Pengiran Haji Amir Mohd Yusof, selaku Pengarah Seminar memberitahu bahawa 8hb Nobember ia-lah hari pembentukan kertas2 kerja dari tujuh orang penshara dan tokoh pendidikan yang berpengalaman, sementara 15hb. Nobember ia-lah hari bagi membincangkan dan merumuskan hasil seminar bagi di-ambil tindakan dan dilaksanakan oleh pihak peng-anjor.

Sementara itu, Hari Pelajar bagi Sekolah Nusa Laila Puteri juga akan di-adakan pada hari Jumaat, 6hb Nobember depan, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak, bermula pada 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

